

TAHAP KEFAHAMAN MAHASISWA TERHADAP SUBJEK ASAS PERBANKAN ISLAM DI UiTM KAMPUS ALOR GAJAH DAN KAMPUS MUKAH

Azlan Yusof Punding

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Mukah
azlanyusof@uitm.edu.my

Basirah Mohd Fitri

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah
basirahfitri@gmail.com

Nurhayati Syazwani Zulkafli

Fakulti Keilmuan Islam,
Universiti Melaka
nurhayati@unimel.edu.my

Article history:

Received : 12 October 2023

Accepted : 18 November 2023

Published : 21 December 2023

Abstrak

Perbankan Islam merupakan sistem perbankan yang berlandaskan undang-undang Syariah. Semua amalan dan peraturan dalam perbankan Islam ini mestilah mengikuti ajaran al-Quran, al-Sunnah, *Ijma'*, *Qias* dan *ijtihad*. Perbankan Islam juga tidak membenarkan sebarang aktiviti perniagaan yang mempunyai unsur *riba'*, *maisir* dan *gharar*. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman mahasiswa UiTM terhadap mata pelajaran CTU351 (Asas Perbankan Islam) yang diajarkan di UiTM Kampus Alor Gajah, Melaka dan UiTM Kampus Mukah, Sarawak. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dikumpulkan daripada mahasiswa Diploma Pengajian Perbankan di UiTM Kampus Alor Gajah dan UiTM Kampus Mukah pada semester I sesi pengajian 2022/2023. Data-data yang dikumpulkan dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kefahaman yang ditunjukkan oleh pelajar di UiTM Kampus Alor Gajah dan UiTM Kampus Mukah sangat baik. Pelajar juga dapat manfaat serta pendedahan awal mengenai konsep dan amalan perbankan Islam. Kajian ini turut memberi cadangan terhadap pensyarah untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran agar pelajar dapat memahami konsep, prinsip dan pengoperasian perbankan Islam dengan lebih mudah.

Kata kunci: Perbankan Islam, Tahap Kefahaman, Malaysia, Mahasiswa

STUDENTS' LEVEL OF UNDERSTANDING IN FUNDAMENTALS OF ISLAMIC BANKING SUBJECT AT UiTM ALOR GAJAH CAMPUS AND MUKAH CAMPUS

Abstract

Islamic banking is a banking system based on Sharia law. All the practices and regulations in the Islamic banking must follow the teachings of the Quran, Sunnah, *Ijma'*, *Qias* and *ijtihad*. Islamic banking also does not allow any business activity that has elements of *riba'*, *maisir* and *gharar*. This research aims to determine the level of understanding of UiTM students in CTU351 (Fundamentals of Islamic Banking) subject taught at UiTM Alor Gajah Campus, Melaka and UiTM Mukah Campus,

Sarawak. The methodology of this research is a quantitative using questionnaire as a research instrument. Data was collected from Diploma in Banking Studies students at UiTM Alor Gajah Campus and UiTM Mukah Campus in the first semester of the 2022/2023 session. The data collected in this research were analysed descriptively. The results of the research found that the level of understanding shown by students at UiTM Campus Alor Gajah and UiTM Campus Mukah is very good. Early exposure to the principles and practices of Islamic banking might also be beneficial for students. This research also provides recommendations for lecturers to diversify teaching methods so that students are able to understand the concept, principles, and operation of Islamic banking easily.

Keywords: Islamic Banking, Level of Understanding, Malaysia, University Students

PENGENALAN

Kewangan Islam merupakan penyediaan perkhidmatan kewangan yang berlandaskan undang-undang Syariah Islam yang mana undang-undang ini tidak membenarkan sebarang peruntukan faedah (*riba*), perjudian (*maisir*), ketidakpastian yang berlebihan (*gharar*), jualan pendek dan aktiviti pembiayaan yang boleh mendatangkan kemudarat kepada masyarakat (IMF, 2017). Justeru itu, kebiasaan perbankan Islam akan menggembung dana dalam bentuk akaun semasa yang tidak mendapat pulangan kewangan yang tetap. Perbankan Islam adalah sistem perbankan yang menawarkan produk Islam dan perkhidmatan perbankan mengikut Syariah Islam ataupun dikenali sebagai *fiqh al-muamalat* (Rahmi et al., 2020).

Menurut Rahmi et al. (2020), amalan perbankan di bawah perundangan Islam dibolehkan dengan syarat mestilah berkaitan dengan dasar perkongsian untung rugi di samping mengamalkan konsep tanpa faedah serta menolak amalan yang tidak beretika. Perbankan Islam bertindak melalui konsep perkongsian ekuiti, perkongsian risiko serta '*stake sharing*' di mana usahawan iaitu pelanggan dan pelabur (bank) berkongsi keuntungan atau kerugian yang telah ditetapkan dalam sesuatu projek (Chowdhury et al., 2020). Ini menunjukkan bahawa operasi perbankan Islam dijalankan berlandaskan prinsip-prinsip yang dibenarkan dalam Islam dan ia merupakan salah satu usaha untuk individu yang tidak mahu melibatkan diri dengan amalan sistem konvensional yang berunsurkan *riba* (Ismail & Shamsul Bahari 2020). Selain daripada melarang melakukan sesuatu aktiviti yang haram dan menekankan aspek komersial, perbankan Islam juga menerapkan norma dan nilai Islam demi menjamin serta melindungi kesejahteraan dan keperluan masyarakat (Siddika, Sarwar, & Khan, 2023).

Di samping itu, jawatankuasa Syariah mestilah ditubuhkan oleh semua institusi perbankan yang mengamalkan sistem perbankan Islam yang bertujuan untuk membimbing institusi berkaitan hal-hal Syariah serta memastikan fungsi bank tersebut mematuhi kehendak Syariah (Ismail & Shamsul Bahari 2020). Kajian yang dijalankan oleh Abd. Rahman et al. (2021) pula menyatakan bahawa terdapat perbezaan utama antara perbankan Islam dan perbankan konvensional. Perbankan Islam tidak membenarkan sebarang aktiviti perniagaan yang mempunyai unsur *riba*', *maisir* dan unsur *gharar*.

Selain itu, perbankan Islam di Malaysia semakin berkembang dan ini dapat dilihat melalui pertumbuhan perbankan Islam di Malaysia mengatasi perbankan konvensional dengan merangkumi sekitar 40 peratus daripada jumlah pembiayaan di Malaysia (Berita Harian 2023). Namun, kajian yang dijalankan oleh Nashrullah, Kara dan Yunus (2023) mengatakan bahawa pengetahuan masyarakat terhadap perbankan Islam tidak seiring dengan perkembangannya. Hal ini kerana terdapat beberapa faktor yang menghalang kefahaman masyarakat terhadap perbankan Islam antaranya mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang perbankan Islam walaupun ia telah diaplikasikan oleh pelbagai bank.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap kefahaman mahasiswa UiTM terhadap mata pelajaran CTU351 (Asas Perbankan Islam) yang diajarkan di UiTM Kampus Alor Gajah, Melaka dan UiTM Kampus Mukah, Sarawak. Tahap kefahaman mahasiswa ini dapat diketahui berdasarkan pembelajaran mereka yang mengandungi konsep, prinsip dan pengoperasian dalam perbankan Islam. Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui kefahaman mahasiswa mengenai nilai-nilai etika dalam perbankan Islam serta perbezaan konsep dan amalan yang dilaksanakan dalam sistem perbankan Islam dan konvensional.

KAJIAN LITERATUR

Pembelajaran bagi subjek CTU351 merupakan satu peluang kepada mahasiswa di Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi mengenali konsep, pengoperasian, produk-produk dan sistem-sistem yang ditawarkan oleh perbankan Islam yang terdapat di bank-bank seluruh Malaysia. Sistem perbankan Islam bermaksud institusi kewangan yang beroperasi dengan objektif untuk mengimplementasikan prinsip ekonomi dan kewangan Islam dalam arena perbankan. Manakala perbankan Islam juga merupakan konsep normatif yang boleh ditakrifkan sebagai pengurusan bank yang bersesuaian dengan sistem nilai Islam. Maka pembelajaran subjek CTU351 ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kefahaman mahasiswa terhadap konsep, pengoperasian, produk-produk dan sistem-sistem perbankan Islam serta dapat meningkatkan tahap penguasaan pelajar dalam pelbagai bidang ilmu.

Perbankan

Istilah perbankan berasal dari perkataan ‘bank’. Bank didefinisikan sebagai institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan seperti pertukaran mata wang, pemberian pinjaman, terimaan bil pertukaran, jagaan wang dan sebagainya (Wan Nasrudin & Ismail, 2011). *Qamus al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam* pula menyatakan bank sebagai tempat untuk meletakkan harta bagi tujuan pekerjaan tertentu di bawah penyelenggaraan yang khusus.

Perbankan terdiri daripada perbankan konvesional dan perbankan Islam. Sistem perbankan, yang terdiri daripada bank-bank perdagangan, bank-bank saudagar dan syarikat-syarikat kewangan yang merupakan penggerak utama bagi mengumpul dana-dana dan sumber kewangan penting yang menyokong semua aktiviti-aktiviti ekonomi di Malaysia (Siti Nur Afiqah, 2017). Selain daripada itu, pengantara-pengantara kewangan bukan bank yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan pembangunan, kumpulan-kumpulan wang simpanan dan pencen, syarikat-syarikat insurans dan pengendali-pengendali takaful, melengkapkan lagi institusi-institusi perbankan dengan mengumpul simpanan-simpanan bagi memenuhi keperluan kewangan ekonomi.

Perbankan Islam

Sistem Perbankan Islam telah bermula dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1 Mac 1983 (Anang, Koris & Alipiah, 2004). BIMB memulakan operasinya pada 1 Julai 1983 dengan menawarkan produk dan perkhidmatan seperti perbankan konvensional tetapi mengikut prinsip Syariah yang telah ditetapkan.

Perbankan Islam yang ada kini telah memberikan pengguna pelbagai pilihan dalam memilih instrumen ataupun produk-produk kewangan yang ditawarkan. Umat Islam kini juga mempunyai pilihan untuk memilih sistem perbankan yang selama ini berpaksikan amalan *riba* kepada satu sistem yang berteraskan Syariat Islam (Alis, 2014).

Perbankan Islam Malaysia pada masa kini telah menjangkaui tiga dekad perlaksanaan dan telah mengorak langkah menjadi antara penyedia perkhidmatan kewangan terpenting dan

berdaya saing seiring dengan kemajuan Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang paling cepat mengalami perkembangan dalam industri kewangan Islam khususnya dalam perbankan Islam. Sistem perbankan Islam yang ada di Malaysia kini telah mendapat pelbagai pengiktirafan dan menjadi rujukan negara-negara lain.

Institusi perbankan Islam pada dasarnya ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan perbankan alternatif kepada umat Islam. Apabila sesuatu sistem perbankan dianggap sebagai Islam, setiap urus niaganya adalah berasaskan kepada konsep perkongsian untung dan rugi yang didasari oleh ekuiti para peserta. Asas bagi urus niaga tersebut pula adalah konsep perkongsian dengan pelanggan, bukan sebagai penghutang dengan si pemutang.

Perkembangan sistem Perbankan Islam di Malaysia terus rancak berkembang seiring dengan perbankan konvensional yang sedia kukuh, yang mana pada tahun 2020 jumlah terbitan bon korporat dan sukuk berjumlah RM104.58 bilion telah meningkat ke RM114.29 bilion pada tahun 2021. Manakala saiz pasaran modal Islam meningkat kepada RM2.31 trilion pada akhir tahun 2021 daripada RM2.26 trilion tahun sebelumnya (Portal Rasmi Kementerian Kewangan Malaysia).

Kepentingan Perbankan Islam terhadap Mahasiswa

Kepentingan mempunyai ilmu kewangan yang mantap adalah kunci kepada pemahaman kewangan individu. Tanpa ilmu kewangan, seseorang itu tidak mampu mengerti tentang konsep asas pengurusan kewangan seperti aset, liabiliti, modal dan pinjaman. Apatah lagi bagi seorang individu Muslim, ilmu kewangan Islam yang tinggi dapat membuatkan seseorang individu itu memahami *zakat*, *takaful* dan pinjaman tanpa *riba* dengan lebih mantap (Md Sapir & Abdul Halim, 2020).

Menurut kajian tentang tahap kesedaran pelajar bukan Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap sistem perbankan Islam yang dilakukan oleh Ismail dan Shamsul Bahari (2020) membuktikan bahawa kebanyakan pelajar bukan Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap produk dan perkhidmatan Sistem Perbankan Islam.

Mereka juga mempunyai tafsiran yang salah mengenai Sistem Perbankan Islam. Mereka menyedari akan kewujudan akaun Bank Islam yang mereka perlu buka semasa pendaftaran masuk ke UKM tetapi tidak menyedari bahawa perkhidmatan-perkhidmatan lain turut terbuka kepada mereka yang bukan beragama Islam. Mereka seolah-olah menyatakan bahawa Sistem Perbankan Islam ini hanya untuk mereka yang beragama Islam sahaja malah menghadkan penggunaan akaun bank Islam tersebut untuk bayaran yuran pendidikan semata-mata (Ismail & Shamsul Bahari, 2020).

Kefahaman terhadap perbankan Islam yang baik dapat meningkatkan tahap kewangan individu menjadi lebih baik kerana semua keperluan dan kehendaknya dapat dipenuhi tanpa perlu merasai kerisauan untuk membelanjakan wang mereka ke jalan yang bertentangan dengan Islam (Ismail & Shamsul Bahari, 2020). Mereka bukan sahaja dapat membelanjakan wang pada masa sekarang, tetapi juga mereka sentiasa memastikan kewangan yang mencukupi pada masa mereka ditimpa musibah.

Menurut kajian Nina Eka Septiyani (2021) yang dilakukan di Pondok Pesantren Al Hikmah Bandar lampung Dan MAN Pringsewu berkenaan pengaruh pemahaman santri dan pelajar mengenai perbankan syari'ah terhadap minat memilih produk perbankan syari'ah. Beliau menyatakan bahawa pelajar yang mendapat pengetahuan dan pemahaman yang luas terhadap perbankan islam akan lebih cenderung untuk menggunakaninya dalam transaksi kewangan yang dilakukan. Maka dapat disimpulkan bahawa jika seseorang mengetahui dan faham tentang kewangan islam mereka akan lebih tertarik untuk menggunakaninya berbanding berbanding menggunakan perbankan konvensional.

Tahap kefahaman pelajar terhadap matapelajaran Perbankan Islam

Teknik pembelajaran yang menarik sangat membantu para pelajar dalam memahami setiap matapelajaran yang dipelajari. Sesuatu sistem dan teknik pengajaran dan pembelajaran itu perlulah diaplikasikan di dalam konteks yang menyeluruh. Pemilihan strategi pengajaran yang sesuai adalah penting jika pengajar ingin membantu pelajar mencapai objektif–objektif pengajaran (Ee Ah Meng, 1992). Disamping itu, Qasim (1998) juga menyarankan bahawa strategi pengajaran yang pelbagai merupakan satu elemen yang penting bagi menyesuaikan padankan dengan keadaan setiap individu yang datang untuk menimba ilmu pengetahuan di institusi pengajian.

Dikenali sebagai sebuah negara yang sangat progresif dalam ekonomi Islam dan pendidikan kewangan, maka kerajaan Malaysia sangat menyokong usaha penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di 1983, yang mempunyai misi untuk mengintegrasikan ilmu am dengan ilmu Islam yang dikenali sebagai Islamisasi ilmu (Furqani, 2012). Perkembangan luar biasa sistem ekonomi dan kewangan Islam di Malaysia juga membuka ruang institusi pengajian tinggi menyediakan program sistem ekonomi dan kewangan Islam secara amnya, terdapat lima program sistem ekonomi dan kewangan Islam yang utama di Malaysia iaitu muamalat (syariah dan undang-undang dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam), ekonomi Islam, kewangan Islam, perakaunan Islam, dan Islam pengurusan. Hampir semua institusi tinggi di Malaysia berkhidmat sebagai penyedia pendidikan sistem ekonomi dan kewangan Islam (Hidayat, 2020).

Justeru teknik pembelajaran yang digunakan di Malaysia dalam kaedah pembelajaran berasaskan kelas ialah pembentangan daripada pensyarah, ulasan buku atau jurnal, pembentangan pelajar, dan pembentangan berasaskan kertas. Tambahan pula, dari segi kaedah pembelajaran berasaskan projek untuk pelajar, banyak universiti di Malaysia menggunakan teknik penglibatan komuniti, kesatuan pelajar, persidangan, dan aktiviti penyelidikan gunaan. Dan perkara yang paling menarik dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah peperiksaan berasaskan projek dan program latihan untuk pelajar dan lawatan lapangan, seperti lawatan syarikat ke industri kewangan Islam (Irfan Syauqi Beik 2022).

Oleh itu, Malaysia merupakan antara contoh terbaik terhadap kaedah dan teknik pengajaran ekonomi dan kewangan Islam selain Indonesia dan United Kingdom (Amalia,2014). Melalui kaedah pembelajaran yang baik ini juga menjadikan Malaysia dapat menjadi antara negara yang menjadi rujukan dalam industri ekonomi Islam dan industri kewangan dan membina model bagi negara lain untuk mengguna pakai kaedah dan teknik yang sama agar dapat melahirkan lebih ramai pakar dalam ekonomi dan industri kewangan Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengadaptasikan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi mendapatkan data tentang tahap pemahaman pelajar terhadap subjek CTU351 (Asas Perbankan Islam). Bentuk kajian ini dipilih kerana pengkaji mudah mengumpulkan maklumat serta dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga. Untuk mendapatkan tahap pemahaman mahasiswa terhadap subjek CTU351, pengkaji mendapatkan data daripada aplikasi U-Future UiTM.

Sejumlah 224 mahasiswa diploma di kampus UiTM Alor Gajah dan UiTM Mukah telah menjawab soalan kaji selidik. Seramai 50 orang mahasiswa lelaki dan 174 orang mahasiswa perempuan yang telah menjawab kaji selidik dan taburan umur responden adalah seramai 217 orang mahasiswa berusia 20 tahun dan 7 orang mahasiswa berusia 21 tahun. Tambahan pula, mahasiswa yang beragama Islam adalah seramai 180 orang manakala yang bukan beragama Islam adalah seramai 44 orang. Mahasiswa yang dipilih terdiri daripada

kesemua mahasiswa UiTM tahun kedua dan semester keempat di kampus UiTM Alor Gajah dan UiTM Mukah yang terdiri daripada mahasiswa Diploma Pengajian Perbankan.

Borang soal selidik adalah daripada platform U-Future yang telah disediakan oleh pihak UiTM di akhir setiap semester. Soalan daripada borang ini terdiri daripada soalan-soalan untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar dalam mempelajari subjek CTU 351.

Soalan-soalan yang ditanya adalah berdasarkan kepada bab-bab dalam kandungan subjek CTU351. Terdapat dua belas soalan yang dikemukakan iaitu, saya boleh menerangkan asas utama perbankan Islam, saya boleh menerangkan kepentingan perbankan Islam, saya boleh menerangkan apakah matlamat dan objektif perbankan Islam, saya boleh menerangkan peranan bank Islam dalam ekonomi, saya boleh membezakan kaedah penerimaan dana dalam perbankan Islam, saya boleh menerangkan cara menggunakan dana tersebut mengikut Syariah Islam, saya boleh menerangkan nilai-nilai etika dalam perbankan Islam, saya memahami sepenuhnya kontrak dalam kaedah perbankan muamalat, saya sentiasa berusaha untuk menjadikan perbankan sebagai ibadah yang halal, saya sentiasa mengekalkan ibadah khusus untuk menyempurnakan ibadah umum dalam setiap kontrak yang dijalankan, saya sentiasa memastikan setiap tanggungjawab dan kualiti yang dilaksanakan dengan sempurna dan terakhir ialah saya sentiasa memastikan bahawa kontrak yang sah dalam pembiayaan perbankan.

Dua belas perkara yang menjadi soalan dalam soal selidik melibatkan tahap kefahaman mahasiswa terhadap subjek CTU351 berdasarkan kepada 5 Skala Likert (sangat tidak setuju; tidak setuju; memuaskan; setuju; sangat setuju). Analisis deskriptif dilakukan berdasarkan kepada jumlah peratusan. Analisis komparatif dari sudut peratusan juga dilakukan terhadap data-data yang diperoleh daripada mahasiswa diploma kampus UiTM Alor Gajah dan UiTM Mukah.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Jadual 1: Demografi Responden

Jenis Demografi		UiTM Kampus Alor Gajah	UiTM Kampus Mukah	Jumlah
Jantina	Lelaki	29	21	50
	Perempuan	103	71	174
Tahap Pengajian	Tahun Pertama	0	0	0
	Tahun Kedua	132	92	224
	Tahun Ketiga	0	0	0
Umur	18	0	0	0
	19	0	0	0
	20	126	91	217
	21	6	1	7
Agama	Islam	131	49	180
	Bukan Islam	1	43	44

Jadual 1 menunjukkan responden daripada UiTM Kampus Alor Gajah adalah seramai 132 orang yang terdiri daripada 29 orang mahasiswa lelaki manakala 103 orang mahasiswa

perempuan. Umur responden pula terdiri daripada 126 orang berusia 20 tahun dan 6 orang berusia 21 tahun. Dari sudut tahap pengajian pula, kesemua 132 responden terdiri daripada mahasiswa tahun kedua dan semester keempat. Seramai 131 orang responden adalah beragama Islam dan hanya seorang responden sahaja yang bukan beragama Islam.

Manakala, responden daripada UiTM Kampus Mukah pula berjumlah 92 yang terdiri daripada 21 orang mahasiswa lelaki dan 71 orang mahasiswa perempuan. Manakala, dari sudut umur pula, seramai 91 orang mahasiswa berusia 20 tahun dan seorang berumur 21 tahun. Kesemua responden adalah daripada mahasiswa Diploma Pengajian Perbankan tahun kedua. Responden-responen yang dipilih adalah terdiri daripada 49 orang yang beragama Islam dan 43 orang yang bukan beragama Islam.

Secara keseluruhannya, jumlah kesemua responden adalah seramai 224 orang yang terdiri daripada 50 orang mahasiswa lelaki dan 174 orang mahasiswa perempuan. Taburan umur responden adalah seramai 217 orang responden berusia 20 tahun dan hanya 7 orang responden berusia 21 tahun. Manakala dari aspek tahap pengajian, kesemua responden seramai 224 orang adalah berada pada tahun kedua pengajian dan semester keempat. Majoriti responden adalah beragama Islam iaitu sebanyak 180 orang dan 44 orang yang bukan beragama Islam.

Tahap Kefahaman Pelajar Terdahap Subjek CTU351 (Asas Perbankan Islam)

Ringkasan Jawapan Skala Likert

Perkara	Singkatan
Sangat Setuju	SS
Setuju	S
Memuaskan	M
Tidak Setuju	TS
Sangat Tidak Setuju	STS

Jadual 2 di bawah, menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa Diploma Perbankan di UiTM Kampus Alor Gajah bersetuju dan sangat setuju bahawa mereka memahami dengan baik konsep, prinsip dan pengoperasian yang diguna pakai oleh perbankan Islam sesuai tuntutan Syariah.

Jadual 2: Data UiTM Kampus Alor Gajah

No	Perkara	STS	TS	M	S	SS	Jumlah
1	Saya boleh menerangkan asas utama perbankan Islam.	0	0	0	52	80	132
2	Saya boleh menerangkan kepentingan perbankan Islam.	0	0	0	50	82	132
3	Saya boleh menerangkan apakah matlamat dan objektif perbankan Islam.	0	0	0	47	85	132
4	Saya boleh menerangkan peranan bank Islam dalam ekonomi.	0	0	0	54	78	132
5	Saya boleh membezakan kaedah penerimaan dana dalam perbankan Islam.	0	0	0	51	81	132
6	Saya boleh menerangkan cara menggunakan dana tersebut mengikut	0	0	0	58	74	132

Syariah Islam.							
7	Saya boleh menerangkan nilai-nilai etika dalam perbankan Islam.	0	0	0	53	79	132
8	Saya memahami sepenuhnya kontrak dalam kaedah perbankan muamalat.	0	0	0	52	80	132
9	Saya sentiasa berusaha untuk menjadikan perbankan sebagai ibadah yang halal.	0	0	0	60	72	132
10	Saya sentiasa mengekalkan ibadah khusus untuk menyempurnakan ibadah umum dalam setiap kontrak yang dijalankan.	0	0	0	49	83	132
11	Saya sentiasa memastikan setiap tanggungjawab dan kualiti yang dilaksanakan dengan sempurna.	0	0	0	51	81	132
12	Saya sentiasa memastikan bahawa kontrak yang sah dalam pembentangan perbankan.	0	0	0	49	83	132
JUMLAH		0	0	0	626	958	1584

Manakala data daripada mahasiswa Diploma Pengajian Perbankan UiTM Kampus Mukah adalah seperti mana yang diperlihatkan dalam jadual 3 dibawah. Ianya menunjukkan majoriti mahasiswa turut bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka memahami dengan baik konsep, prinsip dan pengoperasian yang diguna pakai oleh perbankan Islam selari dengan tuntutan Syariah.

Jadual 3: Data UiTM Kampus Mukah

No	Perkara	STS	TS	M	S	SS	Jumlah
1	Saya boleh menerangkan asas utama perbankan Islam.	0	0	3	57	32	92
2	Saya boleh menerangkan kepentingan perbankan Islam.	0	0	5	57	30	92
3	Saya boleh menerangkan apakah matlamat dan objektif perbankan Islam.	0	0	4	52	36	92
4	Saya boleh menerangkan peranan bank Islam dalam ekonomi.	0	0	7	56	29	92
5	Saya boleh membezakan kaedah penerimaan dana dalam perbankan Islam.	0	0	12	58	22	92
6	Saya boleh menerangkan cara menggunakan dana tersebut mengikut Syariah Islam.	0	0	8	57	27	92
7	Saya boleh menerangkan nilai-nilai etika dalam perbankan Islam.	0	0	8	55	29	92
8	Saya memahami sepenuhnya kontrak dalam perbankan muamalat.	0	0	12	54	26	92
9	Saya sentiasa berusaha untuk menjadikan perbankan sebagai ibadah yang halal.	0	0	7	62	23	92
10	Saya sentiasa mengekalkan ibadah khusus untuk menyempurnakan ibadah	0	0	7	53	32	92

	umum dalam setiap kontrak yang dijalankan.								
11	Saya sentiasa memastikan setiap tanggungjawab dan kualiti yang dilaksanakan dengan sempurna.	0	0	6	58	28	92		
12	Saya sentiasa memastikan bahawa kontrak yang sah dalam pembiayaan perbankan.	0	0	5	51	36	92		
	JUMLAH	0	0	84	670	350	1104		

PERBINCANGAN

Jika diperhatikan data daripada kedua-dua kampus iaitu UiTM Kampus Alor Gajar dan UiTM Kampus Mukah, tahap kefahaman responden adalah berada dalam keadaan yang baik. Sebanyak 49% yang sangat setuju bahawa mereka mempunyai tahap kefahaman yang sangat baik dalam memahami konsep, prinsip dan pengoperasian yang diguna pakai oleh perbankan Islam sesuai dengan tuntutan Syariah. Manakala 48% setuju berada pada tahap kefahaman yang baik dan 3% berada tahap minimum (memuaskan).

Mengikut pecahan kampus pula, bagi UiTM Kampus Alor Gajah sebanyak 60% yang mempunyai tahap kefahaman yang sangat baik dalam subjek CTU351 (Asas Perbankan Islam) dan sebanyak 40% pula mempunyai tahap kefahaman yang baik. Daripada data yang diperolehi, didapati sebanyak 99% responden adalah beragama Islam yang mana mereka tidak mempunyai kesukaran untuk memahami konsep Islam dan istilah-istilah Bahasa Arab yang digunakan dalam subjek ini.

Manakala bagi UiTM Kampus Mukah pula, sebanyak 32% mempunyai tahap kefahaman yang sangat baik, 61% pada tahap kefahaman yang baik dan 8% pada tahap memuaskan. Jika ditinjau daripada jadual 1, sebanyak 47% responden bukan beragama Islam. Peratusan ini menyumbang kepada kurangnya kefahaman yang mendalam kerana ramai diantara responden yang mempunyai kefahaman yang terhad terhadap konsep Islam dan tidak mengetahui kebanyakan istilah-istilah Bahasa Arab yang digunakan dalam subjek ini.

Merujuk kepada jadual 2 dan 3, kebanyakan responden UiTM Kampus Alor Gajah dan UiTM Kampus Mukah mempunyai tahap kefahaman yang paling baik dalam memahami matlamat dan objektif perbankan Islam, mengetahui peranan dalam mengekalkan ibadah khusus untuk menyempurnakan ibadah umum dalam setiap kontrak yang dijalankan dan memahami peranan individu bagi memastikan kontrak yang sah dalam pembiayaan perbankan.

Tahap kefahaman yang rendah bagi UiTM Kampus Alor Gajah pula adalah sama dengan item soalan yang mendapat tahap kefahaman yang tinggi. Ianya berbeza dengan responden UiTM Kampus Mukah yang mana responden mempunyai tahap kefahaman yang rendah dalam membezakan kaedah penerimaan dana perbankan Islam dan memahami kontrak dalam perbankan muamalat. Kedua-dua item ini mengandungi banyak konsep Islam dan istilah-istilah Bahasa Arab yang digunakan.

Tahap kefahaman mahasiswa juga di pengaruhi oleh faktor agama. Ini dapat dilihat melalui data yang diperolehi daripada jadual 2 dan 3 yang mana peratus mahasiswa yang mempunyai tahap kefahaman yang sangat baik bagi subjek CTU351 di kampus UiTM Alor Gajah adalah sebanyak 60% berbanding 32% mahasiswa di kampus UiTM Mukah.

Jika dilihat daripada dapatan kajian, data menunjukkan 100% responden adalah berada dalam tahun kedua pengajian. Ianya kerana subjek ini merupakan subjek wajib yang perlu diambil oleh semua mahasiswa Diploma Pengajian Perbankan di seluruh kampus UiTM yang menawarkan program diploma tersebut.

Secara keseluruhannya, data yang ditunjukkan oleh kedua-dua kampus iaitu UiTM Alor Gajah dan UiTM Mukah menunjukkan tahap kefahtaman yang sangat baik daripada kalangan responden. Pembelajaran yang menyentuh kepada konsep, prinsip dan pengoperasian yang diguna pakai oleh perbankan Islam adalah sangat berguna bagi memberikan mereka pendedahan dalam memahami asas-asas sistem perbankan Islam. Responden juga akan dapat membezakan konsep dan amalan yang dilaksanakan dalam sistem perbankan Islam dan konvensional.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, data yang ditunjukkan oleh kedua-dua kampus iaitu UiTM Kampus Alor Gajah dan UiTM Kampus Mukah menunjukkan tahap kefahtaman responden terhadap subjek CTU351 (Asas Perbankan Islam) adalah sangat baik. Subjek ini dapat memberikan manfaat kepada responden dalam memahami asas-asas sistem perbankan Islam. Responden turut diperkenalkan dengan konsep dan prinsip yang diterima pakai oleh perbankan Islam sesuai dengan tuntutan Syariah. Secara tidak langsung, responden turut dapat membezakan konsep dan amalan antara sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional. Dalam pengajaran subjek ini, metod pengajaran perlulah dipelbagaikan agar dapat membantu responden memahami konsep, prinsip dan pengoperasian yang diguna pakai oleh perbankan Islam dengan lebih mudah.

Cadangan penambahbaikan subjek ini ialah dengan memudahkan cara penyampaian kuliah. Terdapat sebahagian pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan asas mengenai sistem perbankan Islam. Teknik pengajaran yang memudahkan pelajar mestilah diaplikasikan agar pelajar dapat memahami kandungan subjek. Selain itu, istilah yang digunakan agak sukar untuk difahami oleh pelajar yang bukan beragama Islam kerana terdapat sebahagian istilah yang menggunakan Bahasa Arab. Kontrak-kontrak Islam yang digunakan dalam kandungan subjek ini mestilah dijelaskan dalam Bahasa Inggeris mahupun Bahasa Melayu. Pendidik juga digalakkan memberikan contoh-contoh yang bersifat semasa agar dapat mengukuhkan kefahtaman pelajar.

Tambahan lagi, kandungan silibus mestilah selari dengan perkembangan semasa. Ianya akan memberikan pendedahan yang sewajarnya kepada pelajar dalam memahami aplikasi ilmu pengetahuan dalam kehidupan seharian dan aplikasi perbankan. Kaedah pembelajaran alaf 21 mestilah diterapkan agar dapat menarik minat pelajar dalam memperdalamkan ilmu mereka untuk memahami sistem perbankan Islam. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran mestilah dilaksanakan agar dapat menarik minat pelajar dalam mendalami kandungan subjek ini.

RUJUKAN

- Abd Rahman, R., Lydon, N., Musafar Hameed, L. B., Zaini, A. R., Mohd Danuri, M. S., Abdullah, M., & Ahmad, K. A. (2021). Pembentukan Model Perbandingan Di Antara Sistem Perbankan Islam Dengan Sistem Perbankan Konvensional Dalam Konteks Budaya Perbankan Islam di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-6* (pp. 1122-1132). Bangi: Kolej Universiti Islam Selangor.
- Alis, A. H. (2014). *Pengenalan Konsep Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Amalia, E. (2014). Evaluation of the Model of Education in Islamic Economics and Finance: Empirical Evidences from Indonesia and United Kingdom, *Inferensi Journal*, VIII (2), 373–394.

- Anang, Z., Koris, R., & Alipiah, R. M. (2004). Perbankan Islam dan Penerimaan Masyarakat di Terengganu. In *Conference 4th International Malaysia Studies Conference* (pp. 1-24). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. 2023. Perbankan Islam di Malaysia Atasi Prestasi Bank Konvensional. Berita Harian. 11 Oktober 2023. <https://api.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/10/1163786/perbankan-islam-di-malaysia-atasi-prestasi-bank-konvensional> [17 Oktober 2023].
- Bank Negara Malaysia. (2013). Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/861432/fs2013_buku.pdf
- Chowdhury, M. A., Al Masud, M. A., Atiullah, M., & Tanvir, J. I. (2020). Contemporary responses to the criticism of Islamic Banks in Malaysia. *European Journal of Islamic Finance*, 25(15), 1-11.
- Ee Ah Meng. (1992). *Pedagogi: Satu Pengenalan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Furqani, H. (2012). Islamisasi Ilmu Ekonomi. *SHARE Journal*, 1(2), 83-97.
- International Monetary Fund [IMF] (2017), Islamic Finance and The Role of IMF [16 Oktober 2023].
- Irfan Syauqi Beik, Abdul Aziz Yahya Saoqi & Muhammad Hasbi Zaenal. (2022). *Teaching and Research Methods for Islamic Economics And Finance*. New York: Taylor & Francis Group
- Ismail, M. A., & Shamsul Bahari, N. A. (2020). Tahap Kesedaran tentang Sistem Perbankan Islam dalam Kalangan Pelajar Bukan Islam di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(1), Jurnal Personalia Pelajar.
- Kementerian Kewangan. (2022). 4 Oktober 2022. <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/foto/anugerah-diraja-kewangan-islam-2022> [15 Oktober 2023].
- Md Sapir, A. S., & Abdul Halim, Z. A. (2020). Analisis Pemahaman Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. *Jurnal Syariah*, 28(2), 189-262.
- Mohamad, M. T., Borhan, J. T., & Mohamad, M. A. (2012). Potensi Perbankan Islam Sebagai Medium Baru Perkembangan Dakwah Di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 35, 117-142.
- Nashrullah, Kara, M., & Yunus, A. R. (2023). Analisis Pemahaman Masyarakat Terhadap Bank Syariah Indonesia (BSI) Setelah Merger: Studi Pada Masyarakat Kecamatan Mamajang, Kota Makassar. *Jurnal Kajian Ekonomi & Bisnis Islam*, 4(4), 1045-1054.
- Nina Eka Septiyani. (2021). Pengaruh Pemahaman Santri dan Pelajar Mengenai Perbankan Syari'ah Terhadap Minat Memilih Produk Perbankan Syari'ah (Studi Di Pondok Pesantren Al Hikmah Bandarlampung Dan MAN 1 Pringsewu), Lampung, Fakultas Ekonomi Dan Bisnis Islam Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Qasim Ahmad. (1998). *Pengajaran dan Pembelajaran: Komponen Penting Kurikulum Seminar Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran, Sekolah dan Pentadbiran Sosial*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Rahmi, M., Azma, N., Obad, F. M., Zaim, M., & Rahman, M. (2020). Perceptions of Islamic banking products: Evidence from Malaysia. *Journal of Business, Economics and Environmental Studies*, 10(3), 35-42.
- Siddika, A., Sarwar, A., & Khan, F. (2023). Perceptions of Islamic Banking among Post Millennials: A Study on Muslim. *International Journal of Management, Finance and Accounting*, 4(2), 19-42.
- Siti Nur Afiqah (2017). Sistem Perbankan Yang Terdapat Di Malaysia.Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Tahap Kefahaman Mahasiswa Terhadap Subjek Asas Perbankan Islam di UiTM Kampus Alor Gajah dan Kampus Mukah
Azlan Yusof Punding, Basirah Mohd Fitri & Nurhayati Syazwani Zulkafli

Wan Nasrudin, W. A., & Ismail, M. A. (2011). Hubungan Perbankan Dalam Perbankan Islam.
Prosiding Perkem VI (pp. 170-177). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.